


MRT cungkil bakat tempatan

Oleh JOHANNA A. SOBREY

KUALA LUMPUR – MMC Corporation BHD. (MMC) yakin bakat-bakat tempatan yang terlibat dalam pembinaan projek Transit Aliran Massa (MRT) Laluan 1 (MRT1) dan 2 (MRT2) adalah setanding dengan peringkat antarabangsa dan mampu menjayakan pembinaan MRT Laluan 3 (MRT3).

Pengarah Urusan Kumpulan MMC, Datuk Seri Che Khalib Mohamad Nor (**gambar kecil**) berkata, sehubungan itu, pihaknya berharap agar kerajaan mempertimbangkan untuk memberi peluang kepada syarikat tempatan untuk membabitkan diri dalam fasa terakhir pembinaan infra rakyat di bawah Projek Transit Aliran Massa Lembah Klang (KVMRT) tersebut.

“Perkhidmatan MRT merupakan pengubah landskap pengangkutan awam negara dan memberi manfaat besar kepada pengguna,



PROJEK MRTKV memberi manfaat besar kepada ribuan pengguna khususnya di Lembah Klang dengan menyediakan kemudahan pengangkutan awam yang moden dan meliputi pelbagai destinasi utama Lembah Klang.

khususnya penduduk di Lembah Klang.

“Lantaran itu, kami amat berterima kasih kepada kerajaan kerana memberi peluang kepada syarikat tempatan untuk melibatkan diri dalam projek MRT1 dan MRT2.

“Usaha itu telah menghasilkan ribuan jurutera, ahli teknikal, operator, kontraktor dan vendor yang mampu dalam membangunkan, membina dan mengendalikan projek mega tersebut.



“Malah, ia bukan sahaja memanfaatkan MMC menerusi syarikat usaha sama MMC-Gamuda (MMC-Gamuda KVMRT (T) Sdn. Bhd.), tetapi projek itu turut memberi peluang kepada segenap kontraktor tempatan untuk membuktikan dan meningkatkan kemampuan mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Sesi Jaringan Kerja Minum Petang Kumpulan MMC bersama media di sini ba-

INFO

Projek MRT Laluan 3 (MRT3)

- Disasarkan siap pada tahun 2025
- Juga dikenali sebagai MRT Circle Line, di bawah Projek Transit Aliran Massa Lembah Klang
- Merupakan laluan transit rel ke-13 di Malaysia
- Sepanjang 40 kilometer (km), memaparkan laluan bawah tanah sejauh 32km dan 8km jejambat
- Dianggarkan melibatkan kos antara RM35 billion dan RM40 billion
- Memaparkan 26 stesen termasuk 19 stesen bawah tanah
- Dijangka meliputi Ampang Jaya, Kuala Lumpur City Centre, Jalan Bukit Bintang, Tun Razak Exchange, Bandar Malaysia, KL Ecocity, Pusat Bandar Damansara, Mont Kiara dan Sentul.
- Bakal bersepadu dengan Laluan 1 Sungai Buloh-Kajang (SBK) dan Laluan 2 Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).
- Sistem rel tanpa pemandu yang automatik sepenuhnya
- Kini berada di peringkat perancangan dan pembangunan

ru-baru ini.

Che Khalib mengulas mengenai penawaran tender MRT3 yang dibuka Mass Rapid Transit Corp Sdn. Bhd. (MRT Corp) sehingga 29 Disember ini yang memperlihatkan struktur baharu dalam pelaksanaan projek berkenaan dengan mengguna-

kan kontrak siap guna.

Dibuka kepada firma asing dan tempatan, menerusi model tersebut, syarikat infrastruktur Malaysia boleh membida dengan membentuk konsortium atau syarikat usaha sama dengan penggiat luar negara terutamanya dalam kerja-kerja komponen.